

AUDIT PEMATUHAN (COMPLIANCE AUDIT)

1. Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti Iantik 2 (dua) Pegawai Audit bagi menjalankan audit keakuran.
2. Surat makluman tarikh dan tujuan audit dikeluarkan atas persetujuan pegawai audit dan pemohon.
3. Audit keakuran dijalankan merangkumi audit dokumen, rekod audit lapangan.
4. Sekiranya terdapat ketidakakuran (CAR), tindakan pembetulan perlu dilakukan dalam tempoh yang dipersetujui.
5. Jika perlu, audit susulan akan dijalankan bagi mengesahkan semua tindakan pembetulan yang dilakukan oleh pemohon. Permohonan dibatalkan jika gagal mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh 3 (tiga) bulan dari tarikh CAR.
6. Pegawai Audit menyedia dan membentangkan laporan kepada Jawatankuasa Teknikal Skim Pensijilan DVS untuk pertimbangan.
7. Jawatankuasa Penganugerahan Skim Pensijilan DVS membuat keputusan setelah meneliti laporan daripada Jawatankuasa Teknikal Skim Pensijilan DVS.
8. Pemohon yang lulus akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan kelulusan, No. GVHP dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi.